

29 AUG 2003

Megawati-Berlepas

PRESIDEN MEGAWATI BERLEPAS PULANG KE JAKARTA HARI INI

KUCHING, 29 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri berlepas pulang ke Jakarta hari ini selepas melakukan lawatan kerja selama dua hari di sini.

Lawatan beliau itu sempena Rundingan Tahunan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membincangkan perkara-perkara dua hala yang menumpukan isu seperti pendatang tanpa izin dan perkerja haram, perdagangan dan pelaburan, kerjasama dalam pendidikan, komoditi, pengurangan jerebu, pelancongan dan pengangkutan.

Hadir mengucapkan selamat jalan kepada beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) pada pukul 9.00 pagi ini ialah Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Laila Taib, menteri-menteri Kabinet negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Mesyuarat antara Presiden Megawati dan Dr Mahathir menyentuh isu serantau dan antarabangsa seperti keganasan antarabangsa, Sidang Kemuncak Asean, Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara Islam (OIC) serta isu-isu lain mengenai kepentingan bersama.

Malam tadi, Dr Mahathir meraikan beliau pada jamuan makan di Dewan Bankuet Dewan Undangan Negeri sebagai penghormatan sempena lawatan Presiden Megawati.

Pemimpin Indonesia itu diiringi suami beliau Taufiq Kiemas dan beberapa menteri Indonesia serta pegawai kanan.

Sementara itu pada pukul 9.15 pagi ini, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah juga berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Siti Hasmah telah dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng yang juga Gabenor Sarawak, pada satu majlis konvokesyen khas semalam.

-- BERNAMA

FLL MT BK